



Meja sisi katil
HEMNES
RM129
(HB: RM199)



Harga menarik



WAKTU-WAKTU SOLAT DI MALAYSIA

Sara diri golongan kurang mampu

MOHD FIRDAUS YON
21 FEBRUARI 2016

Like 132 Tweet 0



Mohamed Khaled menyampaikan bantuan Smart Food MyKasih YPG 2016 kepada seorang ketua keluarga, semalam

PASIR GUDANG - Seramai 120 ketua isi rumah bagi setiap keluarga terdiri pelbagai bangsa di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) menerima bantuan Smart Food MyKasih Yayasan Pasir Gudang (YPG) 2016.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, tempoh pelaksanaan bantuan berkenaan selama setahun bermula Mac ini, hingga Mac tahun depan.

Menurutnya, sebanyak RM115,200 setahun diperuntukkan untuk kos operasi keseluruhan Smart Food MyKasih YPG 2016.

Jelasnya, ia satu bentuk bantuan sara diri untuk golongan yang tidak berkemampuan dan kesinambungan daripada pelancaran bantuan serupa pada tahun lalu.

"Mekanisme pelaksanaan program ini akan melibatkan Yayasan MyKasih iaitu 'installation' sistem pembelian menerusi MyKad di kedai yang dilantik secara percuma.

"Setiap penerima bantuan akan dikreditkan sejumlah amaun ke dalam MyKad bagi membolehkan mereka membuat transaksi pembelian ketika membeli barang keperluan asas di pasar raya yang dilantik menggunakan MyKad," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Perasmian Smart Food MyKasih YPG 2016 di Dewan Serbaguna Taman Cendana, di sini, semalam.

Mohamed Khaled selaku Pengasas dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YPG berkata, pihak YPG dapat meneliti setiap pembelian bagi penerima bantuan digunakan untuk membeli barang keperluan asas yang dikemas kini dalam sistem.

Beliau berkata, pasar raya yang akan digunakan sebagai tempat pembelian oleh penerima bantuan adalah Redmart, Econsave dan ImCoop.

"Bagi setiap keluarga terpilih, RM80 dikreditkan ke dalam kad pengenalan mereka setiap bulan sehingga tempoh yang ditetapkan.

"Mereka boleh membeli barang di pasar raya dilantik dengan perbelanjaan mengikut nilai yang dikreditkan," katanya.

5 PALING HANGAT

TERKINI

- 1 Penguin 'lawat' penyelamatnya setiap tahun
- 2 Ahli Parlimen 'lepas gian' di Parlimen
- 3 'Jawapan PM mengenai skandal SRC mengejutkan Parlimen'
- 4 Ku Li: Jawatan GLC itu hak Mahathir
- 5 Apa anda buat jika jumpa RM61,000 di tengah jalan?



Meja sisi katil
HEMNES
RM129
(HB: RM199)

Harga menarik

COVER HARI INI



EDISI SELANGOR & KUALA



- TPP: Industri getah bakal peroleh manfaat
- TPP bukan lampu ajaib bagi nilai ringgit
- TPP bincang perluas keanggotaan pada 2018